

536:

MAHATHIR - PELAJARAN,

1976

SEGAMAT, 6 MAC (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, PERLANTIKANNYA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI AKAN MENOLONG-NYA MENYELESAIKAN BANYAK MASALAH YANG MASIH DIHADAPI OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN.

KATANYA, IA SEKARANG MEMIKUL LEBIH BANYAK TANGGONGJAWAB DAN +MUNGKIN KUASA YANG LEBIH SEDIKIT ITU AKAN SAYA GUNAKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH ITU.+

DR. MAHATHIR, YANG TERUS MEMEGANG MENTERI PELAJARAN DALAM KABINET BARU, BERKATA IA AKAN CUBA MENYELESAIKAN SETENGAH DARI MASALAH ITU DAN AKAN TERUS BERBUAT DEMIKIAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DALAM SATU PERJUMPAAN DENGAN GURUBESAR DAN GURU-GURU KANAN DI SINI -- TUGAS RASMI YANG PERTAMA SETELAH DATO' HUSSEIN ONN MENGUMUMKAN PERLANTIKANNYA SEMALAM.

MENGENAI PERMINTAAN DINAIKAN GAJI DAN LAIN-LAIN TUNTUTAN GURUBESAR DAN GURU, DR. MAHATHIR MENINGATKAN MEREKA SUPAYA MENIMBANGKAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA.

KERAJAAN, KATANYA, SEKARANG TERPAKSA MENYALURKAN LEBIH BANYAK WANG UNTUK PERTAHANAN. -- BERSAMBUNG 1504/AI

537:

MAHATHIR - PELAJARAN 2 SEGAMAT

BELIAU TELAH PUN MENGARAHKAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PELAJARAN SUPAYA MENKAJI SEMULA STRUKTUR PELAN BANGUNAN-BANGUNAN SEKOLAH UNTUK DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN KEWANGAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA PERKHIDMATAN PELAJARAN MEMPUNYAI MATALAMAT UTAMA IAITU MENYEMAIKAN PELAJARAN KEPADA ORANG-ORANG MUDA SAMADA MURID SEKOLAH RENDAH ATAU DI PERINGKAT UNIVERSITI.

KADANG KALA PERKHIDMATAN PELAJARAN DISALAH FAHAM UNTUK MENYENANGKAN MENTERI, PEGAWAI-PEGAWAINYA DAN MEREKA DALAM PROFESYEN PERGURUAN.

+TETAPI, SEBENARNYA PERKHIDMATAN PELAJARAN ADALAH TUGAS MEMBERI PELAJARAN YANG PALING BAIK UNTUK ANAK-ANAK,+ KATANYA.

MENGENAI SERUAN DITURUNKAN KELAYAKAN MENJADI GURU SUPAYA LEBIH RAMAI DAPAT DIAMBIL BEKERJA, DR. MAHATHIR BERKATA, INI ADALAH BERTENTANGAN DENGAN TUJUAN PERKHIDMATAN PELAJARAN NEGARA INI.

+ORANG-ORANG INI HANYA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN MEREKA TETAPI MEREKA LUPA PERKHIDMATAN PELAJARAN ADALAH UNTUK FAEDAH ORANG-ORANG MUDA, DAN DENGAN KELAYAKAN YANG LEBIH TINGGI, ANAK-ANAK AKAN MENERIMA PELAJARAN YANG LEBIH BAIK,+ KATANYA. -- BERNAMA 1507/AI